

24/12/2000

Jadikan musim perayaan masa berfikir

MINGGU ini, Kiau nak cakap sikit tentang apa ertinya jadi rakyat Malaysia. Kiau rasa masanya cukup kena pasal minggu yang akan datang ini minggu perayaan.

Esok, Isnin, hari Krismas. Hari besar orang Kristian. Tentulah tidak semua orang rayakan Krismas. Tapi sebagai rakyat Malaysia, kita cuti juga. Bagi orang Islam yang akan rayakan Aidilfitri, cuti Krismas bagi peluang kepada mereka balik kampung lebih awal.

Selasa atau Rabu orang Islam akan sambut Aidilfitri. Orang Kristian tumpang hari kelepasan Aidilfitri untuk bercuti lebih lama.

Macam itu jugalah orang agama lain. Mereka pun cuti panjang pasal mereka juga berhak dapat cuti Krismas dan cuti Aidilfitri. Lepas itu kita semua dapat pula cuti tahun baru 2001.

Inilah keistimewaan Malaysia. Kerana kita ada banyak kaum dan agama dan kita iktiraf pula kaum dan agama yang banyak itu, maka banyak pulalah perayaannya. Apabila banyak perayaan, banyak pulalah cuti.

Dari setahun ke setahun, perayaan ini jadi tambah sejagat apabila penganut satu agama mengunjungi jiran dan kawan mereka yang beragama lain ketika perayaan.

Kiau berani kata hanya di negara kita sajalah perayaan agama dan kaum diubahsuai jadi perayaan sosial. Aspek agama dan kaum kekal, tapi ciri-ciri majmuk disisipkan.

Jadi, Kiau rasa macam mana marah pun kita kepada Suqiu kerana tuntutan mereka yang tak sensitif terhadap orang Melayu, kita janganlah buang semangat Malaysia ini.

Bukan semua orang, parti dan pertubuhan Cina macam Suqiu. Banyak juga orang Cina yang tak setuju dengan Suqiu.

Kiau yakin ketua-ketua Suqiu dan penyokong mereka, termasuk Pas, tahu kalau tuntutan itu sebabkan huru-hara, mereka sendiri yang rugi.

Kita yang sudah dewasa dan berusia tentu ingat lagi macam mana Peristiwa 13 Mei, 1969 dan Operasi Lalang pada 1987 terjadi.

Tuntutan Suqiu sekarang tak banyak bezanya dengan permulaan peristiwa yang berkesudahan dengan Operasi Lalang. Ia bermula dengan tuntutan kaum Cina supaya hanya guru berpendidikan Cina dilantik jadi pengetua, guru besar dan penolong kanan sekolah Cina.

Isu itu jadi emosional dan merebak kepada masalah lain seperti cadangan pembangunan Bukit Cina di Melaka dan kemuflihan koperasi penerima pinjaman (DTC) Cina.

Akhirnya Melayu dan Cina hampir-hampir bergaduh apabila saling tuduh menuduh, protes memprotes dan berhimpun.

Peristiwa itu terjadi kerana ada anggapan bahawa kerajaan masa itu lemah kerana Umno hadapi masalah dan kepemimpinan Dr Mahathir dicabar. Apabila kerajaan lemah dan Umno tak kuat, ada sajalah pihak yang cuba ambil kesempatan.

Jadi orang Melayu yang sekarang pecah belah kenalah luangkan sikit masa pada musim raya ini untuk berfikir. Jangan kita berpolitik dan beraya, tapi kampung kita terancam.

Kalau nak marah kepada kerajaan, marahlah. Kalau nak kutuk Dr Mahathir, kutuklah. Kalau nak puja Nik Aziz, pujalah. Kalau nak berpakat dengan Kit Siang, berpakatlah.

Tapi ingatlah kereta Kancil dan Proton di laman rumah, anak-anak yang ketawa riang, isteri yang berpakaian cantik dan rumah yang terhias indah

itu tidak datang dengan sendiri.

Subsidi padi, subsidi minyak, subsidi buku teks dan biasiswa itu pun bukan datang dengan sendiri.

Tentunya bukan dengan cakap kosong semasa kempen pilihan raya atau ceramah politik di masjid dan surau ketika tarawih. Benarlah kita bayar cukai. Benarlah kita carum kepada EPF. Benarlah kemajuan itu hak kita. Biasiswa hak kita dan subsidi hak kita.

Tapi kita kena ingat. Orang di negara lain pun bayar cukai juga. Negara mereka lebih besar dan kaya dengan hasil bumi, tapi mereka papa kedana dan hidup merana pasal pemimpin mereka reformasi sana, reformasi sini, tapi tak ada isi.

Tak mahu berterima kasih kepada kerajaan tak apa. Sekarang bukan kerajaan Umno saja. Kerajaan Pas pun sudah ada.

Agaknya inilah budaya baru politik yang dibawa oleh orang yang kononnya ulama, tok guru dan cendekiawan. Mereka ajar orang ramai supaya tidak berterima kasih. Mereka ajar orang ramai mencarut dan kurang ajar.

Tapi Kiau rasa, macam mana jahil pun seseorang itu dan macam mana taksub pun dia kepada tok gurunya, dia wajib bersyukur kepada Allah kerana bagi negara kita ini bermacam-macam hasil, bagi kita keamanan dan bagi kita pemimpin yang tahu memerintah.

Kalau tidak, boleh jadi tak ada Kancil dan Proton, anak-anak menangis kelaparan dan kita jadi bangsa bangsat di negara sendiri. Atau, kita merantau menjadi buruh dan hamba abdi di negara orang. Barang dijauhkan Allah.

(END)